

**Institusi lemah, Umno lindungi Najib daripada pendedahan terkini
WSJ, kata penganalisis
Malaysian Insider
March 2, 2016
Oleh Jennifer Gomez**

Dakwaan terbaru The Wall Street Journal (WSJ) Datuk Seri Najib Razak menerima lebih daripada AS\$1 bilion dalam akaun peribadinya, lebih beratus-ratus juta dikenal pasti sebelum ini, tidak akan memberi sebarang perbezaan kerana perdana menteri sudah mengharungi dakwaan yang sama tidak lama dahulu, kata penganalisis.

Mereka juga berfikir sentimen orang ramai terhadap wang dalam akaun peribadi Najib boleh dianggap "tamat dan sudah diselesaikan", dalam erti kata beberapa ratus juta tambahan akan beri kesan kecil memandangkan institusi yang diharapkan sebagai semak dan imbang ke atas kuasanya kini lemah.

Penganalisis politik Khoo Kay Peng berkata, pihak ditugaskan menjaga "semak dan imbang" di negara ini digantikan dengan mereka yang tidak mampu mencari sebarang kesalahan perdana menteri.

"Jumlah bagi dakwaan pertama sudah cukup besar tetapi ia tidak memberi kesan kepadanya, jadi sejumlah tambahan AS\$400 juta tidak memberi sebarang perbezaan," kata Khoo merujuk kepada RM2.6 bilion atau AS\$700 juta yang dilaporkan WSJ pada Julai tahun lepas.

"Tidak ada mekanisme, orang-orang yang sepatutnya menjaga 'semak dan imbang' semua digantikan dengan mereka yang tidak mendapati beliau bersalah.

"Justeru, ia sudah selesai. Ia tidak akan memberi kesan," kata Khoo.

Penganalisis politik Oh Ei Sun daripada Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam di Universiti Teknologi Nanyang bersetuju, mengatakan pendedahan terkini tidak akan memberi sebarang kesan kepada kesungguhan perdana menteri untuk terus kekal berkuasa, memandangkan beliau sudah mengharungi dakwaan sama sebelum ini dan tidak didakwa.

"Peguam negara berkata beliau tidak akan didakwa, ia sudah menyelesaikannya.

"Tidak ada keperluan untuk beliau membersihkan namanya, apa yang penting baginya adalah untuk kekal berkuasa," kata Oh.

Pendedahan terkini WSJ juga memberi kesan sedikit kepada Umno sendiri kerana ahli parti dan pemimpin hanya mengambil berat naungan yang berterusan serta kemampuan untuk terus berkuasa.

Sehubungan itu, Oh berkata Umno akan terus menyokong Najib, yang juga presiden parti, selagi "pemberian politik terus masuk".

Pensyarah sains politik Dr James Chin dari Tasmania University di Australia berkata, Najib tidak perlu menjelaskan kepada rakyat Malaysia mengenai wang tambahan dalam akaunnya kerana mereka sudah membentuk persepsi mengenai derma politik lebih awal.

Pendedahan terkini WSJ tidak akan memberi kesan kepada perdana menteri di negara ini, katanya, walaupun hal yang sama tidak boleh dikatakan berhubung reputasi antarabangsa.

Satu kesan besar pada masa depan Najib ialah ringgit, dan beliau boleh menghadapi ketidaktentuan politik jika nilai mata wang negara menyusut lagi.

"Ini kerana Umno merupakan mesin pemberian kontrak, jadi selagi perniagaan membuat wang daripada kontrak-kontrak ini, perdana menteri akan menikmati sokongan.

"Tetapi jika nilai ringgit turun, perniagaan tidak akan dapat hidup kerana segala-gala yang dihasilkan negara ini banyak bergantung kepada barangan import," katanya.

Chin berkata, beliau percaya panglima perang Umno akan terus menyokong Najib selagi ringgit kekal stabil dan kontrak menguntungkan.

"Terdapat jurang yang besar antara ahli biasa dan pemimpin Umno. Pemimpin adalah panglima perang yang akan menyokong Najib selagi terdapat kontrak menguntungkan.

"Ahli biasa boleh marah tetapi mereka tidak membuat keputusan kepimpinan," katanya.

Ketua badan pemikir Centre for Policy Initiatives, Lim Teck Ghee bagaimanapun merasakan semua perkara akan berubah apabila penyiasat luar negara melengkapkan siasatan mereka berhubung skandal membabitkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang diilhamkan Najib.

"Pada satu tempoh, terutamanya dengan penyiasat asing datang dengan laporan mereka, berdiam diri tidak lagi menjadi pilihan," kata Lim.

"Mereka yang mencari kebenaran mungkin tidak mempunyai masa lama untuk menunggu tentang apa yang berlaku kepada 2 kes 1MDB dan derma politik," kata Lim.

Selain menonjolkan jumlah wang besar yang didakwa masuk ke akaun Najib, laporan terkini WSJ juga berkata kebanyakan dana adalah daripada 1MDB.

Ia menamakan "penyiasat global" dan berkata penemuan mereka bercanggah dengan peguam negara Malaysia yang berkata sumbangan politik datang dari keluarga diraja Arab Saudi.

Siasatan berhubung perkara berkaitan 1MDB dilancarkan di Amerika Syarikat, Switzerland, Hong Kong dan Singapura. – 2 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/institusi-lemah-umno-lindung-i-najib-daripada-pendedahan-terkini-wsj-kata-pe>